

Apa yang perlu saya ketahui tentang menjadi seorang Ahli Herbalife Nutrition?

Bagaimana saya boleh sertai?

Sebagai seorang Ahli Herbalife Nutrition, anda boleh:

- Beli produk Herbalife Nutrition pada harga diskaun untuk kegunaan sendiri atau isi rumah.
- Mengambil bahagian dalam peluang perniagaan dengan menjual produk Herbalife Nutrition untuk mendapat keuntungan runcit.
- Mengambil bahagian dalam peluang perniagaan dengan merekrut orang lain yang ingin mengguna atau menjual produk Herbalife Nutrition.


Majoriti Ahli hanya menyertai untuk mendapat harga diskaun pada produk Herbalife Nutrition dan tidak mengambil bahagian dalam perniagaan. Sebagai hasilnya, pada tahun 2020, Ahli tipikal tidak menerima pendapatan dari Herbalife Nutrition.

Apa yang perlu saya ketahui mengenai peluang perniagaan?

- Tiada pembelian yang diperlukan selain kit permulaan Keahlian yang juga dikenali sebagai Pek Ahli Herbalife Nutrition - (RM 94.00)
- Ahli dapat menikmati pengaturan jadual mereka sendiri dan memilih bagaimana dan bila untuk bekerja.
- Kebanyakan orang memulakan perniagaan Herbalife Nutrition mereka dengan bekerja secara sambilan dan menjual kepada orang yang mereka kenali atau orang yang mereka temui sebagai satu cara untuk menghasilkan sedikit wang tambahan.
- Tidak ada jaminan bahawa anda akan menjana wang. Seperti semua peniaga, sesetengah Ahli akan berjaya, sementara ada yang tidak.
- Membina satu perniagaan Herbalife Nutrition yang berjaya memerlukan kemahiran, kerja keras, dan masa.

Bagaimana saya boleh menjana Wang?

Anda boleh menjana wang dengan menjual produk Herbalife Nutrition yang anda beli pada harga diskaun. Harga diskaun awal anda adalah lebih kurang 25%. Semakin banyak yang anda menjual, semakin tinggi harga diskaun anda, sehingga maksimum 50%. Sebagai contoh, harga diskaun awal untuk Formula 1, produk Herbalife Nutrition yang terlaris yang dipaparkan di sebelah kanan:



Harga Runcit Cadangan	RM 163.89
Harga Ahli <i>(dengan diskaun awal sebelum penghantaran dan cukai)</i>	RM 129.15
Keuntungan berpotensi	RM 34.74

- Sekiranya anda membeli pada harga diskaun awal ini dan menjual 10 kanister pada Harga Runcit Cadangan, dengan tidak mengira penghantaran dan cukai, anda akan mendapat RM 347.40 sebelum perbelanjaan.
- Anda juga boleh menjana wang daripada penjualan oleh orang yang anda menaja.
- Anda **tidak boleh** menjana wang dengan hanya merekrut atau hanya menaja seseorang.

Sebagai tambahan kepada pendapatan runcit, berapa banyak yang saya dapat perolehi daripada penjualan oleh Ahli-ahli yang saya menaja?

Pada tahun 2020, terdapat 51,760 orang Ahli yang telah menjadi Ahli sekurang-kurangnya 1 (satu) tahun secara penuh. Sebagai tambahan kepada keuntungan runcit, 20% atau 10,228 daripada mereka memperoleh komisen atau bonus daripada penjualan oleh Ahli-ahli yang mereka menaja. Inilah yang mereka perolehi, sebelum perbelanjaan:

Ahli 1 Tahun + (10,228)
50% (sekitar 5,114) memperoleh lebih daripada RM 1,498
10% teratas (sekitar 1,023) memperoleh lebih daripada RM 25,739
1% teratas (sekitar 102) memperoleh lebih daripada RM 343,743

Pada tahun 2020, tempoh Keahlian untuk 1% Ahli teratas adalah antara 2 hingga 31 tahun.

Bagaimana jika ia tidak berguna untuk saya?

- Anda boleh membatalkan Keahlian anda pada bila-bila masa. Sekiranya anda berada dalam 90 hari pertama anda, anda boleh membatalkan dan menerima bayaran balik sepenuhnya untuk Pek Ahli Herbalife Nutrition anda.
- Sekiranya anda membatalkan Keahlian anda, anda boleh mengembalikan produk yang belum dibuka yang anda telah beli dalam satu tahun yang lepas untuk bayaran balik sepenuhnya. Kami juga membayar untuk penghantaran.

Sila hubungi (603) 2687 6333 untuk maklumat lanjut.